

UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI (UPI)

PENGENALAN

Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI) adalah salah satu unit sokongan kepada pengurusan Politeknik Kuala Terengganu (PKT). Atas alasan keperluan semasa bagi membantu pengurusan sokongan di PKT, maka ia mula diwujudkan pada ditubuhkan pada 2008. UPI melibatkan dua portfolio utama iaitu penyelidikan dan inovasi. Ia diwujudkan bagi mencapai objektif sasaran penunjuk aras prestasi utama (KPI) PKT dan menyokong teras teras utama (satu, tiga dan empat) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Di samping itu juga untuk merealisasikan objektif Pusat Penyelidikan Dan Pembangunan Politeknik (PPPP).

UPI berperanan memacu aktiviti penyelidikan dan inovasi projek sejajar dengan “tagline” UPI iaitu “Knowledge Exploration”. UPI akan bergerak dengan berlandaskan kepada Visi, Misi dan Dasar Kualiti UPI sebagaimana yang telah dinyatakan.

FUNGSI

- ❑ Mengurus pentadbiran aktiviti penyelidikan dan inovasi.
- ❑ Menerajui kajian dan penyelidikan di institusi.
- ❑ Membina kapasiti dan keupayaan penyelidikan, pembangunan dan inovasi di kalangan warga institusi.
- ❑ Mewujud dan membina jaringan dengan badan-badan luar berkaitan penyelidikan dan inovasi.
- ❑ Mengurus permohonan geran penyelidikan.
- ❑ Mengumpul maklumat penyelidikan dan inovasi.
- ❑ Mengurus dan menyebarkan maklumat dan pengetahuan berkaitan penyelidikan dan inovasi.
- ❑ Memberi khidmat perundingan bagi aktiviti penyelidikan.

UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI (UPI)

OBJEKTIF

- a. Untuk menyubur dan memacu tenaga kerja agar berdedikasi, mempunyai komitmen yang tinggi dalam bidang penyelidikan dan inovasi ke arah memperkasakan bidang penyelidikan dan inovasi di PKT
- b. Membantu Politeknik Kuala Terengganu menyediakan bahan-bahan bercetak secara berkala, berita aktiviti dan pencapaian bagi edaran dalaman dan kepada pihak yang berkepentingan.
- c. Untuk merancang, melaksana dan memantau Projek Inovasi Pelajar di samping untuk mengenalpasti Projek Inovasi yang berpotensi melalui pertandingan.

VISI

Beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti dalam pengurusan aktiviti penyelidikan dan inovasi bagi mencapai wawasan politeknik untuk menjadi sebuah politeknik yang berinovatif.

MISI

Bertekad mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang untuk mencapai pengiktirafan antarabangsa menerusi pengajaran dan pembelajaran penyelidikan dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat dan negara.